

## Soalan Lazim Tambahan Mengenai Pakej Penangguhan dan Pakej Penukaran

No.	Soalan	Jawapan
<b>Penangguhan Pembayaran Balik Pinjaman/Pembiayaan (Pakej Penangguhan)</b>		
1.	Bolehkah saya terus membuat pengeluaran melalui kemudahan seperti kemudahan kredit pusingan yang telah ditangguhkan secara automatik semasa tempoh penangguhan pembayaran balik?	<p>Boleh. Anda boleh terus membuat pengeluaran melalui kemudahan-kemudahan ini semasa tempoh penangguhan pembayaran balik, jika anda belum menggunakan sepenuhnya had kredit yang diluluskan bagi kemudahan-kemudahan ini.</p> <p>Sekiranya anda terus membuat pengeluaran melalui kemudahan tersebut, pembayaran balik perlu dibuat berdasarkan syarat kemudahan itu.</p>
2.	Bolehkan saya memohon supaya pakej penangguhan ini dipelbagaikan (contoh: penangguhan selama 3 bulan dan bukannya 6 bulan, atau terus membayar balik bahagian faedah/keuntungan)?	<p>Bagi penangguhan automatik pada 1 April 2020, tempoh penangguhan ialah 6 bulan.</p> <p>Jika anda memilih untuk menangguhkan pembayaran balik selepas 1 April 2020, anda dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan anda sekiranya anda ingin mempelbagaikan pakej penangguhan 6 bulan itu. Terpulang kepada setiap institusi kewangan untuk mempertimbangkan permohonan daripada peminjam/pelanggan.</p>
3.	Adakah institusi kewangan dibenarkan untuk menaikkan faedah/keuntungan pinjaman/pembiayaan semasa tempoh penangguhan pembayaran balik?	<p>Tidak. Institusi kewangan tidak dibenarkan untuk menaikkan faedah/keuntungan semasa tempoh penangguhan.</p>
4.	Sekiranya saya gagal membayar balik akaun pinjaman/pembiayaan saya selama 2 bulan, adakah laporan CCRIS saya akan terus menunjukkan 2 bulan tertunggak apabila penangguhan pembayaran balik bermula 1 April 2020?	<p>Ya. Status akaun sehingga 1 April 2020 kekal tidak berubah sepanjang tempoh penangguhan.</p> <p>Dalam kes ini, laporan CCRIS anda akan terus menunjukkan 2 bulan tertunggak sehingga 30 September 2020, kecuali anda telah menyelesaikan jumlah tersebut sepenuhnya semasa tempoh penangguhan.</p>
5.	Adakah jumlah terkumpul minimum atau baki tempoh minimum tertentu diperlukan untuk layak mendapatkan penangguhan secara automatik?	<p>Tidak. Pakej ini diberikan kepada semua pinjaman/pembiayaan yang layak tanpa mengambil kira jumlah terkumpul atau baki tempoh sehingga 1 April 2020.</p>

No.	Soalan	Jawapan
6.	Bolehkah saya memilih untuk tidak menyertai pakej ini pada bila-bila masa semasa dalam tempoh penangguhan 6 bulan ini?	Boleh. Anda perlu menghubungi institusi kewangan anda sekiranya anda ingin memilih untuk tidak menyertai pakej ini pada bila-bila masa sepanjang tempoh penangguhan pembayaran balik. Sekiranya anda tidak menyertai pakej ini, anda perlu terus membayar balik pinjaman/pembiayaan anda tepat pada masa dan dalam jumlah yang penuh.
7.	Bagi kemudahan kewangan Islam, perlukah saya membuat akad (atau kontrak) baharu untuk penjadualan semula kemudahan itu disebabkan oleh penangguhan ini?	Tidak. Akad baharu tidak perlu dibuat selagi jumlah yang perlu dibayar balik oleh pelanggan adalah dalam lingkungan harga kontrak asal yang terdapat pada kontrak sedia ada.
8.	Bagi peminjam/pelanggan yang mungkin memerlukan penstrukturan semula/penjadualan semula ( <i>restructuring/rescheduling</i> , R&R) selepas tempoh penangguhan, adakah pinjaman/pembiayaan itu akan diklasifikasikan sebagai R&R dalam CCRIS?	<p>Tidak. Sebarang permohonan R&amp;R daripada peminjam/pelanggan yang diterima sebelum 31 Disember 2020 tidak akan diklasifikasikan sebagai R&amp;R dalam CCRIS.</p> <p>Bagi permohonan yang diterima selepas 31 Disember 2020, klasifikasi sebagai R&amp;R akan terpakai.</p>
9.	<p>Tempoh bayaran balik sedia ada bagi pembiayaan peribadi saya ialah 10 tahun, pembiayaan sewa beli ialah 9 tahun dan pembiayaan rumah ialah 35 tahun, yang semuanya merupakan tempoh maksimum yang dibenarkan bagi setiap jenis pembiayaan.</p> <p>Adakah saya masih boleh melanjutkan tempoh pembiayaan selama 6 bulan lagi selepas tempoh penangguhan tamat?</p>	<p>Boleh. Peminjam/ pelanggan yang diberikan penangguhan pinjaman secara automatik pada 1 April 2020 boleh melanjutkan tempoh pembiayaan selama 6 bulan. Institusi kewangan dibenarkan untuk melanjutkan tempoh sehingga melebihi tempoh maksimum bagi pembiayaan peribadi, rumah dan sewa beli, namun tidak boleh melebihi 6 bulan.</p> <p>Anda dinasihati supaya membuat pertimbangan dengan teliti mengenai pilihan pembayaran balik (apabila pembayaran balik disambung semula selepas 6 bulan) yang ditawarkan oleh institusi kewangan anda dan memahami kesan pelanjutan tempoh ke atas jumlah kos pembiayaan. Anda perlu berbincang lebih lanjut dengan institusi kewangan anda bagi mengenal pasti pilihan yang paling sesuai dengan keadaan kewangan anda.</p>

No.	Soalan	Jawapan
10.	<p><b>Bank A:</b> Institusi kewangan dengan arahan tetap<sup>1</sup></p> <p><b>Bank B:</b> Institusi yang memberikan pinjaman/pembiayaan</p> <p>Perluakah saya memaklumkan Bank A untuk tidak meneruskan arahan tetap saya?</p>	<p>Ya. Jika anda membuat keputusan untuk menyertai penangguhan pembayaran balik, anda perlu memaklumkan kepada institusi kewangan yang mempunyai arahan tetap (Bank A) bagi menggantung arahan ini selama 6 bulan.</p> <p>Walau bagaimanapun, jika anda telah memaklumkan kepada institusi kewangan anda (Bank B) bahawa anda tidak mahu menyertai pakej penangguhan pembayaran balik ini, anda tidak perlu memaklumkan Bank A untuk meneruskan arahan tetap anda. Bank A tidak akan membatalkan arahan tetap anda secara automatik.</p>
11.	<p>Adakah pakej penangguhan pembayaran balik terpakai pada pinjaman/pembiayaan rumah yang mempunyai pembayaran secara beransur-ansur, iaitu peminjam/pelanggan hanya membayar faedah/keuntungan?</p>	<p>Ya.</p>
12.	<p>Jika saya memilih untuk tidak menyertai pakej ini pada 1 Julai 2020, adakah saya perlu menyelesaikan terus jumlah ansuran yang perlu dibayar dari bulan April hingga Jun 2020? Bolehkah saya memohon untuk membuat pembayaran balik secara berperingkat jumlah yang perlu dibayar dan perluakah saya membayar faedah/keuntungan tambahan?</p>	<p>Peminjam/pelanggan dinasihati supaya menghubungi institusi kewangan mereka untuk berbincang mengenai pilihan pembayaran balik dan mempertimbangkan dengan teliti kesan daripada pilihan-pilihan yang ditawarkan.</p>
<p><b>Penukaran Baki Kad Kredit kepada Pinjaman/Pembiayaan Bertempoh 3 Tahun (Pakej Penukaran)</b></p>		
13.	<p>Saya mempunyai satu pelan pembayaran mudah dan satu pelan pindahan baki di bawah kad kredit saya. Bolehkah saya menukarkan semua baki ini kepada satu pinjaman/pembiayaan bertempoh?</p>	<p>Tidak boleh. Penukaran kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh hanya terpakai untuk baki terkumpul dalam akaun kad kredit anda (tidak termasuk pelan ansuran sedia ada lain dalam akaun, seperti pelan pembayaran mudah atau pindahan baki). Pelan ansuran sedemikian melibatkan bayaran balik bulanan dalam tempoh yang telah ditetapkan pada kadar faedah/keuntungan sifar atau pada kadar yang rendah.</p>

<sup>1</sup> Arahan tetap ialah perkhidmatan yang disediakan oleh institusi kewangan yang membolehkan anda membuat bayaran balik secara berkala dan tetap kepada satu akaun khusus mengikut masa yang ditetapkan (contoh bulanan, suku tahunan). Auto debit atau debit langsung membolehkan anda memberikan kebenaran kepada pihak yang memberi hutang untuk mengambil wang secara langsung daripada akaun bank anda pada tarikh yang dipersetujui berdasarkan jumlah hutang anda. Sebagai contoh, bil utiliti, fi langganan mudah alih pascabayar dan sebagainya.

No.	Soalan	Jawapan																																				
		<p>Beberapa perkara penting yang perlu diambil perhatian:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika institusi kewangan anda menukar secara automatik atau anda memilih untuk menukarkan baki terkumpul kad kredit anda kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh, jumlah bayaran balik anda setiap bulan = bayaran balik pinjaman/pembiayaan bertempoh (pokok dan faedah/keuntungan) + bayaran bulanan untuk pelan ansuran anda yang sedia ada + minimum 5% daripada baki akaun yang disebabkan oleh transaksi baharu yang dibuat selepas penukaran. Sebagai contoh:</li> </ul> <p><b>Selepas penukaran tetapi sebelum penangguhan:</b></p> <table border="1" data-bbox="768 804 1474 1094"> <tr> <td data-bbox="768 804 1040 863">Ansuran bulanan untuk pindahan baki, EPP dan pinjaman/pembiayaan bertempoh</td> <td data-bbox="1040 804 1198 863">Pindahan baki</td> <td data-bbox="1198 804 1235 863">dan</td> <td data-bbox="1235 804 1328 863">EPP</td> <td data-bbox="1328 804 1365 863">dan</td> <td data-bbox="1365 804 1474 863">Pinjaman/pembiayaan bertempoh</td> </tr> <tr> <td data-bbox="768 863 1040 905"></td> <td data-bbox="1040 863 1198 905"></td> <td data-bbox="1198 863 1235 905"></td> <td data-bbox="1235 863 1328 905">+</td> <td data-bbox="1328 863 1365 905"></td> <td data-bbox="1365 863 1474 905"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="768 905 1040 947"></td> <td colspan="5" data-bbox="1040 905 1474 947">Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="768 947 1040 1010">Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit</td> <td colspan="5" data-bbox="1040 947 1474 1010">Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="768 1010 1040 1052"></td> <td colspan="5" data-bbox="1040 1010 1474 1052">Fi lain</td> </tr> <tr> <td data-bbox="768 1052 1040 1094">EPP = Pelan Pembayaran Mudah</td> <td colspan="5" data-bbox="1040 1052 1474 1094"></td> </tr> </table> <p><b>Jumlah bayaran bulanan minimum anda = RM (150<sup>a</sup> + 50<sup>b</sup> + 200<sup>c</sup> + 100<sup>d</sup>) = RM500</b></p> <p>Akaun kad kredit mempunyai had kredit yang diluluskan sebanyak RM10,000, dengan andaian yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bayaran ansuran bulanan untuk pelan pindahan baki (tidak ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh) dengan faedah/keuntungan 0% = RM150;</li> <li>Bayaran ansuran bulanan untuk pelan pembayaran mudah (tidak ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh) dengan faedah/keuntungan 0% = RM50;</li> <li>Baki kad yang ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh pada kadar 13% setiap tahun<sup>2</sup> untuk 3 tahun = RM5,950;             <ul style="list-style-type: none"> <li>Bayaran ansuran bulanan = <b>RM200</b>;</li> </ul> </li> <li>Baki penyata baharu daripada transaksi baharu yang dibuat selepas penukaran = RM2,000             <ul style="list-style-type: none"> <li>5% daripada baki penyata = RM100.</li> </ul> </li> </ol>	Ansuran bulanan untuk pindahan baki, EPP dan pinjaman/pembiayaan bertempoh	Pindahan baki	dan	EPP	dan	Pinjaman/pembiayaan bertempoh				+				Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)					Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit	Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)						Fi lain					EPP = Pelan Pembayaran Mudah					
Ansuran bulanan untuk pindahan baki, EPP dan pinjaman/pembiayaan bertempoh	Pindahan baki	dan	EPP	dan	Pinjaman/pembiayaan bertempoh																																	
			+																																			
	Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)																																					
Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit	Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)																																					
	Fi lain																																					
EPP = Pelan Pembayaran Mudah																																						

<sup>2</sup> Bagi pembiayaan Islam, institusi kewangan Islam akan menetapkan harga jualan berdasarkan kadar keuntungan 13% setiap tahun.

No.	Soalan	Jawapan																						
		<ul style="list-style-type: none"> <li>Walaupun anda telah memohon untuk menangguhkan pembayaran balik pinjaman/pembiayaan baharu bertempoh tersebut selama 6 bulan, anda masih perlu membuat bayaran bulanan bagi pelan ansuran anda yang sedia ada semasa tempoh penangguhan pembayaran balik + minimum 5% daripada baki akaun yang disebabkan oleh transaksi baharu yang dibuat selepas penukaran. Sebagai contoh:</li> </ul> <p><b>Selepas penukaran DAN penangguhan pinjaman/pembiayaan bertempoh:</b></p> <table border="1" data-bbox="769 674 1484 953"> <tr> <td data-bbox="769 674 1062 737">Ansuran bulanan untuk pindahan baki dan EPP</td> <td data-bbox="1062 674 1256 737">Pindahan baki</td> <td data-bbox="1256 674 1305 737">dan</td> <td data-bbox="1305 674 1484 737">EPP</td> </tr> <tr> <td data-bbox="769 737 1062 779" style="text-align: center;">+</td> <td data-bbox="1062 737 1256 779"></td> <td data-bbox="1256 737 1305 779" style="text-align: center;">+</td> <td data-bbox="1305 737 1484 779"></td> </tr> <tr> <td data-bbox="769 779 1062 919" rowspan="3">Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit</td> <td colspan="3" data-bbox="1062 779 1484 821">Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)</td> </tr> <tr> <td colspan="3" data-bbox="1062 821 1484 863">Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)</td> </tr> <tr> <td colspan="3" data-bbox="1062 863 1484 919">Fi lain</td> </tr> <tr> <td data-bbox="769 919 1062 953">EPP = Pelan Pembayaran Mudah</td> <td data-bbox="1062 919 1256 953"></td> <td data-bbox="1256 919 1305 953"></td> <td data-bbox="1305 919 1484 953"></td> </tr> </table> <p style="text-align: center;"><b>Jumlah bayaran bulanan minimum anda = RM (150<sup>a</sup> + 50<sup>b</sup> + 0<sup>c</sup> + 100<sup>d</sup>) = RM300</b></p> <p>Akaun kad kredit mempunyai had kredit yang diluluskan sebanyak RM10,000, dengan andaian yang berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Bayaran ansuran bulanan untuk pelan pindahan baki (tidak ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh) dengan faedah/keuntungan 0% = RM150;</li> <li>Bayaran ansuran bulanan untuk pelan pembayaran mudah (tidak ditukarkan kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh) dengan faedah/keuntungan 0% = RM50;</li> <li>Tiada bayaran balik bagi pinjaman/pembiayaan untuk 6 bulan = 0;</li> <li>Baki penyata baharu daripada transaksi baharu yang dibuat selepas penukaran = RM2,000             <ul style="list-style-type: none"> <li>5% daripada baki penyata = RM100.</li> </ul> </li> </ol> <p>Sila hubungi institusi kewangan anda untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai pilihan yang ditawarkan kepada anda.</p>	Ansuran bulanan untuk pindahan baki dan EPP	Pindahan baki	dan	EPP	+		+		Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit	Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)			Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)			Fi lain			EPP = Pelan Pembayaran Mudah			
Ansuran bulanan untuk pindahan baki dan EPP	Pindahan baki	dan	EPP																					
+		+																						
Sekurang-kurangnya 5% daripada baki penyata kad kredit	Pendahuluan tunai (pokok + faedah/keuntungan + fi)																							
	Transaksi runcit (pokok + faedah/keuntungan)																							
	Fi lain																							
EPP = Pelan Pembayaran Mudah																								
14.	Saya mempunyai dua kad kredit dengan institusi kewangan yang sama. Bolehkah saya menukarkan baki kedua-dua kad kredit tersebut kepada satu pinjaman/pembiayaan bertempoh?	Pada amnya, penukaran kepada pinjaman/pembiayaan bertempoh dibuat berdasarkan satu akaun. Walau bagaimanapun, sesetengah institusi kewangan mungkin boleh memudahkan perkara ini. Oleh itu, sila hubungi institusi kewangan anda untuk berbincang mengenai pilihan yang ada bagi menukarkan kedua-																						

No.	Soalan	Jawapan
		dua akaun kad kredit kepada satu pinjaman/pembiayaan bertempoh.

**Bank Negara Malaysia**  
**7 April 2020**